



**SULTAN IBRAHIM SULTAN ISKANDAR dan Permaisuri Johor, Raja Zarith Sofiah Sultan Idris Shah menuruni Tangga Agung, Istana Besar untuk menyertai Perarakan Diraja di sekitar pusat bandar ke Istana Bukit Serene, Johor Bahru, semalam. -IHSAN KERAJAAN JOHOR**

# Pelancong asing teruja

Oleh **MOHD. KHAIRUL MOHD. ALI**  
dan **MOHAMAD FAIZAL HASHIM**

pengarang@utusan.com.my

■ **JOHOR BAHRU 23 MAC**

**D**UA pelancong Jepun tidak menyangka hari pertama di negara ini memberi peluang kepada mereka untuk menyaksikan Istiadat Kemahkotaan Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar menerusi layar gergasi serta Perarakan Kenderaan Diraja, di sini hari ini.

Menurut **Sachiko Imai**, 25, dia hanya mengetahui tentang istiadat tersebut apabila dimaklumkan orang tempatan dan tidak melepaskan peluang menyaksikan perarakan yang disambut meriah rakyat jelata pelbagai kaum.

"Perarakan ini amat menarik dan luar biasa. Saya tak sangka berpeluang menyaksikan upacara seperti ini," katanya yang tiba dari Singapura, awal pagi ini.

Rakannya, **Yukiko Obitsu**, 26, pula mengakui bertuah dapat menyaksikan istiadat tersebut kerana tidak pernah melihat secara dekat upacara berprestij seperti itu.

"Istiadat ini amat menarik kerana disempurnakan mengikut adat tempatan. Apa yang saya pasti upacara ini disambut baik oleh orang ramai," katanya kepada *Utusan*



**SACHIKO IMAI**



**FERNANDO**



**ANDREAS RUCK**

san *Malaysia* di sini.

Sementara itu, seorang pelancong Sepanyol, **Fernando De La Sierra**, 47, berkata, Istiadat Kemahkotaan yang disaksikannya itu tidak banyak berbeza dengan istiadat yang dijalankan di negara asalnya.

"Ini kali pertama ke Johor Bahru, saya amat teruja melihat suasana sekitar dipenuhi dengan orang ramai, seolah-olah suatu perayaan sedang berlaku.

"Istiadat yang disiarkan secara langsung itu kelihatan tidak banyak berbeza dengan upacara sama yang terdapat di negara saya," katanya yang berkunjung ke Johor Bahru dari Singapura untuk menyaksikan istiadat tersebut dengan lebih dekat.

Pelancong Amerika Syarikat, **Joshua Frantz**, 27, pula memberitahu, Istiadat Kemahkotaan Sul-

tan Johor itu amat menarik kerana upacara seperti itu tidak terdapat di negara kelahirannya.

"Amat hebat, penuh unsur tradisi dan kebudayaan. Ternyata upacara bersejarah ini mempunyai makna yang amat mendalam bagi masyarakat tempatan," katanya yang berada di sini atas urusan perniagaan.

Seorang lagi pelancong, **Andreas Ruck** juga mengakui amat terpicik kerana suasana di sekitar bandar raya Johor Bahru amat meriah dengan dibanjiri ribuan rakyat tempatan.

"Saya difahamkan kali terakhir istiadat ini diadakan pada 55 tahun lalu. Jadi, tidak hairan masyarakat negeri ini menyambutnya seperti suatu perayaan dan suasana kemeriahan memang terasa," katanya yang berasal dari Jerman.